

03 OCT 1996

Anwar-Suara

ANWAR GESA SUARA BERSAMA DESAK REFORMASI DALAM IMF, BANK DUNIA

Oleh: Salmu Hashim

WASHINGTON, 3 Okt (Bernama) -- Negara-negara membangun seharusnya bercakap dengan satu suara untuk mendesak supaya dilakukan reformasi dalam Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia di sini pada hari Rabu, Anwar berkata negara-negara Dunia Ketiga nampaknya menyokong supaya diadakan reformasi dalam kedua-dua institusi itu tetapi negara-negara maju G-7 pula menentang perubahan.

Sementara fungsi Bank Dunia dan IMF itu meliputi tanggungjawab memelihara kestabilan mata wang dunia, malangnya "suara dan keputusan mereka terikat kepada suara G-7," kata beliau selepas menyampaikan ucapannya pada hari kedua mesyuarat tahunan ke-51 Bank Dunia dan IMF yang berlangsung selama tiga hari.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun telah menggesa supaya pra-syarat dikenakan terhadap kedua-dua institusi itu bagi memastikan mereka mewakili suara majoriti.

Dalam ucapannya, Anwar yang juga Menteri Kewangan telah mengingatkan IMF bahawa Malaysia, yang sedang menambah sumbangannya kepada tabung itu, mahu corak pengiktirafan dan perwakilan yang lebih selaras dengan kekuatan ekonominya.

Beliau kemudian menemui bekas Pengerusi Ketua-Ketua Staf Bersama Amerika Syarikat Jen Colin Powell yang diiringi Senator William Cohen dari Maine.

Anwar berkata pertemuannya dengan Powell, yang pernah menjadi calon presiden pada satu masa, adalah semata-mata untuk berkenal-kenalan.

Powell mungkin dijemput ke Kuala Lumpur untuk menghadiri dialog ekonomi Pasifik pada bulan depan, menurut anggota-anggota perwakilan Malaysia.

Anwar berlepas dari Washington untuk pulang ke tanah air pada hari Rabu melalui London. -- BERNAMA

SH CTL NMO